

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan menaikkan umur persaraan kepada 65 tahun pada masa akan datang yang mana langkah tersebut tidak optimum kepada kualiti dan perbelanjaan pengurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan untuk meningkatkan had umur persaraan kepada 65 tahun merupakan cadangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan sektor swasta di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun dan ia juga bergantung kepada tawaran pekerjaan oleh majikan. Oleh itu, tiada keperluan pada masa ini untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun kerana ia merupakan pandangan Kerajaan.